

**Sultan Mizan Lancar Yayasan Penyelidikan Antartika
Bernama
19 Julai, 2012**

KUALA TERENGGANU, 19 Julai (Bernama) -- Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan melancarkan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada Khamis.

Baginda diiringi Permaisuri Nur Zahirah yang juga merupakan Canselor UMT.

Sultan Mizan bertitah mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah meluluskan penubuhan YPASM.

"Beta bangga YPASM dilancarkan setelah genap tujuh bulan selepas lawatan Beta ke Antartika pada November tahun lepas. Ini menunjukkan komitmen serta sokongan ikhlas kerajaan terhadap program penyelidikan Antartika oleh rakyat Malaysia.

"Beta gembira dan berbesar hati menjadi penaung YPASM dan menggesa pihak lain dalam sektor swasta menyokong dan bekerjasama dengan yayasan dalam usaha meningkatkan penyertaan negara dalam penyelidikan saintifik di Antartika," titah baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681971>

